

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld 3 ( 22 )

9 Ogos 2023  
22 Muharram 1445

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 37/2023

### PEMAKLUMAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-67 (MK67)

#### UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor telah berkenan diadakan Majlis Konvokesyen ke-67 Universiti Teknologi Malaysia pada **18 November 2023 sehingga 23 November 2023** iaitu bersamaan dengan 4 Jamadilawal 1445 sehingga 9 Jamadilawal 1445.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.10/2023 pada 6 Jun 2023 telah menetapkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen ini, semua Ketua Pusat Tanggungjawab adalah diminta untuk menanggungkan sebarang majlis di dalam kampus pada tarikh berkenaan. Jika terdapat sebarang program/aktiviti yang tidak dapat ditanggungkan, Ketua Pusat Tanggungjawab perlulah mendapatkan kelulusan penganjurannya daripada Pendaftar.

3. Keputusan ini adalah bagi meraikan kejayaan graduan dan para tetamu yang hadir. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab juga diminta memberikan kerjasama untuk membenarkan staf bertugas bagi tujuan Majlis Konvokesyen tersebut. Ahli Senat dan Staf Akademik yang dijemput untuk meraikan majlis ini dan diharap tidak berhalangan untuk hadir bagi melaksanakan amanah yang diberikan.

4. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum dan memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang Majlis Konvokesyen ke-67 Universiti Teknologi Malaysia berlangsung.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah UTM Kampus Pagoh
  - Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah